

Malaysia di tangga ke-19 daripada 55 negara ekonomi

■ ZULKHAIRIL ZAINUDDIN

KUANTAN - Malaysia menduduki tangga ke-19 secara keseluruhan daripada 55 negara ekonomi dunia yang dilaporkan 'World Competitiveness Yearbook 2008' yang diterbitkan Institute for Management Development (IMD).

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Safian Ismail berkata, kedudukan tersebut menunjukkan peningkatan empat anak tangga berbanding kedudukan ke-23 pada tahun 2007.

Katanya, di kalangan negara-negara

S-H 11/11/08 M/S 7
yang mempunyai populasi melebihi 20 juta penduduk, Malaysia menduduki tempat ketujuh iaitu peningkatan satu anak tangga berbanding tempat kelapan pada tahun 2007.

"Bagi kategori negara-negara Asia-Pasifik pula, Malaysia mengekalkan kedudukannya dua tahun berturut-turut di tempat ketujuh di antara 13 negara ekonomi," katanya sewaktu berucap pada majlis perasmian Persidangan Peningkatan Daya Saing: Peranan dan Inisiatif Sektor Awam Negeri Pahang, di sini, semalam.

Menurutnya, walaupun negara boleh berbangga dengan pencapaian ter-

sebut, laporan IMD itu turut menyenaraikan lima cabaran utama yang harus ditangani Malaysia iaitu keperluan untuk Perkhidmatan Awam mencapai tahap perkhidmatan yang berinovasi, proaktif dan memberi keutamaan kepada pelanggan, keperluan membangunkan Enterprais Kecil dan Sederhana (EKS) yang berinovasi dan berdaya tahan agar lebih dinamik.

"Cabaran-cabaran lain yang perlu dihadapi negara adalah keperluan jalinan kerjasama sektor awam dan swasta untuk menggerakkan ekonomi ke arah rangkaian nilai yang lebih tinggi, keperluan memper-

tingkatkan kreativiti dan modal insan untuk ekonomi yang berasaskan pengetahuan serta keperluan mempertingkatkan lagi infrastruktur saintifik dan teknologi bagi memenuhi keperluan ekonomi yang kompetitif," katanya.

Katanya, adalah wajar persidangan-persidangan seperti ini diadakan untuk menarik minat ketua-ketua jabatan terhadap faktor-faktor daya saing negara, mengenal pasti faktor-faktor yang diperlukan penambahbaikan dan membincangkan inisiatif-inisiatif sektor awam dalam meningkatkan faktor-faktor tersebut ke arah kecemerlangan daya saing negara.